

**SURAT PEKELILING DALAMAN
PUSTAKA/100-1/1/2/JLD.1 (004)**

Kepada : Semua Pegawai Gred 41 ke atas

Perkara : **KEMUDAHAN RAWATAN PERUBATAN DI PUSAT PAKAR PERUBATAN NORMAH**

Tarikh : 03 Julai 2020

1.0 TUJUAN

1.1 Surat pekeliling ini adalah susulan kepada Surat Pekeliling Jabatan Ketua Menteri (bil.Perj.43/96) no. ruj:56/EO/3177/A bertarikh 31 Oktober 1996 dan Surat Pekeliling Dalaman (002) PUSTAKA/100-10/1/2/JLD.2 bertarikh 9 Oktober 2014.

2.0 PELAKSANAAN

2.1 Mesyuarat Ketua Sektor Bil. 1/2020 bertarikh 28 Januari 2020, telah bersetuju supaya tuntutan/perbelanjaan rawatan pesakit luar di **Pusat Pakar Perubatan Normah** yang berjumlah **RM500.00** setahun **boleh dipanjangkan ke peruntukan kemudahan rawatan perubatan tahunan**.

2.2 Kemudahan ini hanya dapat dilaksanakan sekiranya:

- a. Rawatan pesakit luar di Pusat Pakar Perubatan Normah berjumlah **RM500.00** **telah habis digunakan** dalam tahun semasa; dan
- b. Peruntukan kemudahan rawatan perubatan berjumlah **RM1,500** setahun **masih mempunyai baki yang mencukupi**.

2.3 Sekiranya kos bayaran rawatan melebihi peruntukan tahunan, maka pembayaran balik akan dituntut dari pegawai yang berkenaan melalui kaedah potongan gaji. Oleh itu adalah tanggungjawab setiap pegawai untuk menyemak baki kelayakan sebelum mendapatkan rawatan atau khidmat di Pusat Pakar Perubatan Normah.

3.0 PEGAWAI YANG LAYAK

Pegawai yang layak untuk tuntutan ini adalah pegawai gred 41 dan ke atas.

4.0 TARIKH KUATKUASA

3.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **1 Februari 2020**.

Sekian, terima kasih.


Dr Rashidah Haji Bolhassan
Ketua Pegawai Eksekutif